

PENGARUH PERSEKITARAN DALAM PENGGUNAAN STRATEGI MEMORI KOSA KATA PELAJAR KUIM

**Noorhidayah binti Abu Hasim
Nurul Huda binti Adnan
Nor Izzuani binti Izhar
Abdul Muhaimin bin Abu Bakar**
Kolej Universiti Islam Melaka

Abstrak

Pengkaji bahasa bersepakat menyatakan bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab dan bahasa Inggeris kurang memuaskan. Hal ini diyakini berpunca daripada penggunaan teknik mengingat yang kurang berkesan. Realitinya, pelajar boleh menggunakan persekitaran sebagai salah satu teknik yang boleh membantu mereka untuk menguasai kosa kata seterusnya menguasai sesuatu bahasa. Kajian ini dijalankan bertepatan dengan objektif yang disasarkan iaitu menganalisis pengaruh persekitaran terhadap teknik mengingat kosa kata yang diaplikasikan oleh pelajar KUIM. Kajian kualitatif ini menerapkan kaedah temu bual untuk mendapatkan data seterusnya mengaplikasikan pendekatan deskriptif dalam persembahan dapatan. Responden kajian terdiri daripada 10 orang pelajar KUIM yang dipilih berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan. Data kemudiannya dianalisis menggunakan Teori Semiotik Sosial oleh Halliday (1978) dan Model Analisis Pengaruh Konteks Tempatan dalam pembelajaran wacana Arab oleh Mohd Zuhir (2013). Dapatan menunjukkan bahawa teknik mengingat kosa kata pelajar sememangnya dipengaruhi oleh persekitaran dan aktiviti sosial mereka. Hasil kajian dijangka dapat membantu pelajar menguasai kosa kata bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang dipelajari sekaligus memperbaiki pencapaian pembelajaran bahasa sasar mereka.

Kata kunci: *strategi memori, kosa kata, persekitaran, pelajar Kolej Universiti Islam Melaka.*

Abstract

The linguists agree that the level of students' mastery of Arabic and English vocabulary is not satisfactory. This is believed to be due to the less effective usage of memorisation technique. In reality, students can use the environment as a technique that can help them master the vocabulary and a language. This study is carried out in line with the objective of analysing the influence of environment on vocabulary memorization techniques applied by KUIM students. This qualitative research applies the interview as the instruments to collect the data and applied descriptive approach to present the findings. The respondents consisted of 10 KUIM's students selected based on the purposeful sampling method. The data were then analysed using the Social Semiotic Theory by Halliday (1978) and the Contextual Influence Analysis Model Localization in Arabic discourse learning by Mohd Zuhir (2013). The findings show that students' vocabulary memorization techniques are indeed influenced by the environment and their social activities. The results of the study are expected to help students master the Arabic and English vocabulary learned and improves the achievement of their target language learning.

Keywords: *memory strategi, vocabulary, environment, Kolej Universiti Islam Melaka's student*

PENGENALAN

Penekanan terhadap konsep pemusatan pelajar dan pembelajaran berbanding peranan seorang guru dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing semakin mendapat tempat dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) era revolusi perindustrian 4.0 ini. Hal yang demikian turut mendorong strategi pembelajaran bahasa menjadi salah satu penyelidikan yang berkembang dewasa ini.

Ramai penyelidik tempatan mahupun luar negara berusaha mengetengahkan strategi pembelajaran bahasa yang berupaya membantu pelajar menguasai bahasa yang dipelajari. Pelaksanaan strategi pembelajaran bahasa yang tepat dan berkesan pula mampu membantu pelajar dalam proses pembelajaran bahasa kedua atau bahasa ketiga mereka (Noorhidayah, 2018). Antara strategi utama pembelajaran bahasa yang diyakini berperanan besar dalam mempercepat dan meningkatkan tahap penguasaan bahasa ialah strategi memori dan kognitif (Oxford, 1990). Walau bagaimanapun kajian ini hanya memfokuskan kepada strategi memori pelajar dalam penguasaan kosakata memandangkan strategi penghafalan dan pengingatan ini lebih kerap digunakan dalam pembelajaran bahasa berbanding strategi kognitif (Oxford, 1990).

Kepelbagaian etnik dan sosiobudaya masyarakat di Malaysia telah diambil kira dalam menganalisis strategi memori yang digunakan oleh pelajar. Bahkan pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) sendiri terdiri daripada pelbagai etnik dan latar belakang sosiobudaya. Kajian terdahulu membuktikan bahawa penguasaan kosakata turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya ialah faktor persekitaran. Keadaan ini mendorong pengkaji untuk mengkaji dan menyelidik fenomena tersebut dengan lebih mendalam kerana fenomena pemindahan bahasa ini juga dilihat sebagai satu permasalahan yang boleh dibendung dan ditangani (Noor Zila & Amir, 2013).

SOROTAN LITERATUR

ISU-ISU PEMBELAJARAN KOSAKATA

Kepentingan pembelajaran kosakata dalam pembelajaran bahasa sasaran khususnya sering dilihat sebagai elemen penting yang perlu diambil perhatian oleh pelajar bukan penutur asli (Che Radiah & Norhayuza, 2011). Kosakata yang terhad boleh menghalang komunikasi yang berkesan. Secara umumnya, pelajar peringkat universiti di Malaysia didapati hanya berupaya menguasai sekitar 1500-2000 kosakata Arab sahaja berbanding 3000-5000 perkataan yang sepatutnya dikuasai bagi memudahkan mereka mengikuti pengajian dalam bidang masing-masing (Zainur Rijal et al., 2020). Dapatan daripada kajian Tan & Goh (2017) dlm (Ibrahim et al., 2013; Mathai et al., 2004; Mokhtar, 2010; Harji et al., 2015; Kaur, 2013) juga menunjukkan hasil dapatan yang sama. Kajian tersebut membuktikan bahawa tahap penguasaan kosakata pelajar di institusi pengajian tinggi Malaysia amat terhad.

Sememangnya penekanan terhadap aspek kosakata dalam pembelajaran bahasa perlu diberi perhatian (Rosni, 2013). Komponen kosakata dianggap sebagai faktor utama yang dapat menentukan tahap kefahaman seseorang dalam pembacaan sesuatu teks mahupun dalam situasi komunikasi (Che Radiah & Norhayuza, 2011; al-Syarbafiy, 2007). Malahan ia dianggap sebagai faktor kejayaan bagi penguasaan sesuatu bahasa (Decarrico, 2001). Schmitt (2000) turut menekankan bahawa leksikal pengetahuan merupakan teras untuk kecekapan komunikasi dan penguasaan bahasa kedua serta bahasa ketiga.

Di samping itu, kajian lepas turut menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa kedua dan ketiga bergantung kepada pengetahuan kosakata dan kekurangan aspek ini merupakan halangan terbesar untuk pelajar dalam menguasai bahasa yang dipelajari (Huckin, 1995). Pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Arab misalnya seringkali berhadapan dengan masalah penguasaan kosakata Arab sekaligus menghalang mereka untuk berkomunikasi (Nadwah & Nadhilah, 2014). Kesukaran mengingat perkataan dan menggunakannya ketika hendak bercakap juga dikenal pasti sebagai salah satu masalah utama yang dihadapi oleh pelajar dalam penguasaan kosakata Arab (Rosni, 2009).

Kajian Norhayuza (2005) mendapati masalah ketara yang sering dilihat dalam penguasaan kosakata bahasa Arab ini ialah kegagalan mengingat perkataan serta maknanya, sama ada perkataan yang telah dipelajari atau pun yang baru sahaja dipelajari, meskipun pelbagai pendekatan, saranan, serta cadangan telah dikemukakan oleh ramai pakar bahasa dalam usaha membantu pelajar menguasainya. Tidak

dinamakan kegagalan mengingat perkataan dan maknanya boleh memberi kesan negatif terhadap penguasaan kosa kata pelajar.

Manakala dalam konteks pembelajaran bahasa Inggeris pula, pelajar didapati kurang berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris bersama rakan sebaya semasa membuat tugas berkumpulan mahupun dalam kehidupan seharian yang secara tidak langsung turut menjejaskan penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa Inggeris mereka secara keseluruhannya (Zainudin & Dayang Rozina, 2010). Menurut Carhill (2008), penguasaan kosa kata bahasa Inggeris individu boleh dipengaruhi oleh kekerapan penggunaan dalam kehidupan seharian berbanding menggunakan bahasa tersebut hanya semasa dalam proses pembelajaran sahaja.

STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA

Rubin (1975) berpandangan bahawa Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) merupakan teknik atau perancangan khusus yang digunakan oleh pelajar untuk memperolehi pengetahuan. Manakala Wanden dan Rubin (1987) memberi definisi SPB sebagai strategi yang menyumbang ke arah perkembangan sistem bahasa yang dibina oleh pelajar dan ia mempengaruhi pembelajaran secara langsung. Sementara itu, O'Malley dan Chamot (1990) berpendapat bahawa SPB sebagai fikiran dan perilaku yang digunakan oleh seorang individu untuk memahami, mempelajari dan menyimpan maklumat baru. Selain itu, Oxford (1990) mengemukakan definisi yang lebih menyeluruh yang menggambarkan SPB sebagai langkah-langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh para pelajar bagi menjadikan proses pembelajaran mereka lebih mudah, lebih cepat, lebih menyenangkan, lebih berbentuk sendiri, lebih efektif dan lebih mudah disesuaikan dengan situasi baharu.

Model Strategi Pembelajaran Bahasa

Terdapat beberapa model SPB yang telah diketengahkan oleh para penyelidik dalam lapangan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa ketiga. Walau bagaimanapun, Model SPB Oxford dikatakan sebagai taksonomi yang sangat sofistikated dan paling meluas digunakan (Radha, 1998) serta merupakan satu sistem SPB yang menyeluruh (Kamarul Syukri, 2009). Bertitik tolak daripada ini, sistem Oxford telah dipilih sebagai teras kajian ini untuk meninjau SPB yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab mereka. Taksonomi Oxford (1990) mengklasifikasikan SPB kepada dua strategi utama, iaitu strategi langsung dan strategi tidak langsung. Terdapat enam kumpulan strategi yang dikelaskan di bawah dua strategi utama tadi. Strategi memori, strategi kognitif dan strategi tampungan diletakkan di bawah kategori strategi langsung. Manakala strategi sosial, strategi afektif dan strategi metakognitif pula berada di bawah strategi tidak langsung. Seterusnya, enam kumpulan strategi ini pula dibahagikan kepada 19 substrategi lain yang menerangkan dengan lebih terperinci strategi-strategi utama tersebut.

Strategi Memori

Strategi memori seringkali menjadi salah satu elemen utama dalam taksonomi SPB sepertimana yang dapat dilihat dalam pengklasifikasian SPB oleh Rubin (1987), O'Malley & Chamot (1990), Oxford (1990), Purpura (1997) dan Macaro (2001). Ini jelas menunjukkan bahawa strategi memori berperanan besar dalam mempercepatkan dan mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa selain berfungsi sebagai antara strategi utama dalam pembelajaran bahasa (Oxford 1990).

Dalam konteks kajian ini, strategi memori di bawah taksonomi yang digariskan oleh Oxford (1990) telah digunakan sebagai asas perbincangan. Di bawah kumpulan strategi memori menurut taksonomi Oxford (1990) ini, terdapat beberapa strategi utama seperti strategi mencipta hubungan mental, strategi menggunakan imej dan bunyi, strategi mengulang kaji dengan baik dan strategi membuat tindakan atau perbuatan.

PENGARUH SOSIOBUDAYA

Pengaruh sosiobudaya memainkan peranan penting dalam strategi pembelajaran bahasa khususnya dalam bahasa kedua dan ketiga. Menurut Oxford (1990) sosiobudaya mempengaruhi peningkatan teknik pembelajaran secara keseluruhan dan mampu membantu individu dalam menentukan pemilihan bahasa yang tepat berpandukan strategi pembelajaran bahasa yang telah digariskan. Rentetan daripada kajian lepas yang merumuskan bahawa unsur sosiobudaya memainkan peranannya yang tersendiri dalam membantu pelajar memilih dan menggunakan strategi pembelajaran bahasa sasar yang dipelajari, maka kajian ini juga akan turut sama menganalisis unsur tersebut dalam skop kajian yang difokuskan. Dalam konteks kajian ini, secara dasarnya kerangka Teori “Sosial Semiotik” atau dikenali sebagai teori “Semiotik Sosial” dalam kerangka “Model Konteks Sosial” yang diketengahkan oleh Halliday (1978) serta “Model Analisis Pengaruh Konteks Tempatan” dalam pembelajaran wacana Arab oleh Mohd Zuhir (2013) telah diadaptasi.

Pengaruh Persekitaran

“Model Analisis Pengaruh Konteks Tempatan” dalam pembelajaran wacana Arab oleh Zuhir (2013) yang merupakan satu kerangka model yang diubah suai dan dikembangkan daripada teori “Semiotik Sosial” oleh Halliday (1978) telah diadaptasi dalam kajian ini. Kerangka model ini dibahagikan kepada empat kategori, iaitu konteks situasi atau persekitaran, konteks bahasa, konteks budaya dan konteks agama. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada pengaruh situasi atau persekitaran dalam penggunaan strategi memori kosa kata yang diaplikasikan oleh pelajar. Hal ini kerana persekitaran merupakan elemen yang membolehkan pelajar menguasai aspek kecekapan berbahasa atau kecekapan pragmatik dengan mudah dan berkesan (Abdullah, 1988).

Keputusan pengaruh persekitaran dalam pembelajaran bahasa kedua dan ketiga dibuktikan lagi menerusi kajian McCarthy & Carter (1994). Kajian tersebut menegaskan bahawa mempelajari bahasa memerlukan interaksi dengan dunia luar iaitu proses menganalisis bahasa dari aspek budaya, situasi dan persekitaran. Di samping itu, Zulkifley (2014) juga bersependapat bahawa proses penguasaan pengetahuan bahasa boleh diperolehi melalui pergaulan sosial dalam persekitaran situasi tidak formal. Beliau turut membuktikan bahawa kecekapan berbahasa biasanya memerlukan persekitaran sosial dan kebudayaan yang sesuai untuk membolehkan aspek ini dikuasai dengan lebih mudah dan berkesan. Grainger (2012) turut membuktikan bahawa latar belakang budaya memberi impak yang signifikan dalam pemilihan SPB menerusi kajiannya terhadap pelajar bahasa Jepun di Australia. Menurut beliau lagi, persekitaran pembelajaran bahasa dalam satu komuniti yang berbilang bahasa boleh menjadi faktor penting dalam pemilihan SPB.

Selain itu, kajian terdahulu turut menegaskan bahawa pembelajaran bahasa yang berkesan adalah yang memperkasa elemen sosiobudaya. Hal ini dapat dilihat melalui dapatan kajian yang dijalankan oleh Ashinida (2013). Hasil kajian beliau mendapati bahawa pelajar bukan-Muslim yang mempelajari bahasa Arab menunjukkan sifat ingin tahu tentang budaya masyarakat Arab. Kajian juga turut menyarankan agar dimasukkan maklumat mengenai masyarakat dan budaya Arab dalam silibus bahasa Arab yang ditawarkan kerana dengan mempromosikan beberapa aspek budaya bahasa asing boleh membantu pelajar dalam memahami penggunaan bahasa dengan lebih baik serta menghargai budaya masyarakat lain. Dapatan ini seiring dengan saranan yang dikemukakan oleh „Arif Karkhiy (1996) dalam kajian beliau yang mencadangkan pembelajaran bahasa Arab mestilah bersandarkan kepada budaya Arab dan Islam yang merujuk kepada budaya bahasa itu sendiri.

Analisis kajian-kajian di atas jelas mempamerkan hubungan sosiobudaya dengan pembelajaran sesuatu bahasa. Sememangnya pengaruh sosiobudaya memberi impak yang besar dalam pemilihan, penggunaan dan kekerapan penggunaan SPB dalam pembelajaran bahasa. Seperimana yang telah dijelaskan, pendekatan yang berasaskan kepada konteks tempatan dan situasi persekitaran pembelajaran pelajar dalam proses pembelajaran bahasa kedua atau bahasa ketiga merupakan kaedah yang boleh diterapkan dalam pembelajaran bahasa memandangkan pengaruh sosiobudaya menyumbang kepada

keberkesanan pembelajaran sesuatu bahasa.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah temu bual telah dipilih sebagai instrumen pengumpulan data. Temu bual yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual berstruktur yang menuntut penyelidik merangka item temu bual terlebih dahulu sebelum sesi temu bual dilaksanakan. Setiap subjek diberikan item temu bual yang sama pada tiap-tiap kali sesi temu bual dijalankan. Dalam konteks kajian ini, temu bual dilaksanakan secara seorang dengan seorang secara bersemuka di antara pengkaji dan responden. Responden telah ditemu bual untuk tujuan mengenal pasti pengaruh persekitaran dalam strategi memori yang digunakan dalam proses mengingat kosa kata bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang diberikan sebelum sesi temu bual berlangsung. Responden telah diberikan 20 kosa kata bahasa Arab dan 20 kosa kata bahasa Inggeris sebelum sesi temu bual berlangsung. Responden kemudiannya telah diberi masa selama 15 minit untuk mengingat kosa kata yang diberikan sebelum ditemu bual. Seramai 10 orang responden daripada pelbagai pengkhususan di KUIM telah dipilih sebagai responden kajian. Daripada jumlah keseluruhan responden, 6 orang daripadanya merupakan pelajar berbangsa Melayu, 2 orang berbangsa Cina dan 2 orang yang lain merupakan pelajar berbangsa India. Pemilihan responden daripada kaum yang berbeza dan kepelbagaian pengkhususan adalah bertujuan untuk memperolehi hasil kajian yang variasi dari sudut pandang yang berbeza. Temu bual yang dijalankan ini kemudiannya telah direkodkan dan dianalisis berdasarkan objektif kajian yang telah disasarkan berpandukan teori yang dikemukakan oleh Halliday (1978) dan Model Analisis Pengaruh Konteks Tempatan dalam pembelajaran wacana Arab oleh Mohd Zuhir (2013).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, responden kajian didapati telah terkesan dengan pengaruh persekitaran dalam mengingat kosa kata yang diberikan. Unsur pengaruh persekitaran dalam kajian ini adalah terdiri daripada aspek pengalaman responden sendiri dalam aktiviti sosial serta perihal keadaan persekitaran yang menyumbang ke arah penggunaan sesuatu strategi memori itu. Ini boleh diperhatikan daripada beberapa kenyataan responden seperti berikut:

*“ Ok, yang pertama ni susu. Hmm saya sebab sekarang ni kan kakak saya kan **tengah berpantang** kan. “Ha” halia saya ingatkan halia bertukar kepada jadi air susu. Halia jadi ” (halib (un).*

(RP6/S5/B1)

Kajian mendapati responden telah mengingat kosa kata bahasa Arab dengan mengaitkan persekitaran yang sedang dihadapinya. Memandangkan kakak responden sedang berpantang dan wanita berpantang digalakkan memakan halia untuk menguatkan sistem imun badan selain bertujuan menambahkan susu badan, maka elemen persekitaran telah disandarkan oleh responden sebagai teknik yang memudahkan mereka untuk mengingat kosa kata yang diberikan. Responden telah mengaitkan “ha” untuk halia dengan (halib) yang bermaksud susu dalam bahasa Arab.

Kenyataan yang lain pula menyebut:

*“Seterusnya telefon “لَدِيْف ”. Telefon tu kalau biasa kita orang remaja kan pegang phone jalan-jalan ke atau dengar lagu-lagu ke yang nama **penyanyi Najwa Latif** ke.. Aaa baru ingat la eh Latif tu telefon la tu. ” la tu. Kita orang ingat macam tu.”*

(R4/S5/B45)

Kenyataan responden ini jelas menunjukkan pengaruh persekitaran dalam strategi yang digunakan untuk mengingat kosakata Arab yang baru ditemui. Responden mengaitkan perkataan “لَهْفٌ” dengan

situasi remaja sekarang yang tidak lekang dengan telefon sambil beraksi di media sosial serta mendengar muzik dendangan penyanyi remaja popular, Najwa Latif. “Latif” mengingatkan mereka dengan perkataan “Hatif” iaitu telefon. Secara sedar atau tidak, sebenarnya elemen persekitaran telah mempengaruhi responden dalam penguasaan kosakata bahasa yang dipelajari.

Kenyataan responden yang lain juga membuktikan pengaruh persekitaran memberi kesan terhadap penguasaan kosakata mereka, seperti:

“Kawan saya Hazim jenis suka pakai smart. Pegi kelas mesti nak pakai tali pinggang. Ha, tu sebab saya boleh ingat Hazim dengan Hizam ialah tali pinggang

(RP1/S5/B12)

Contoh kenyataan di atas memperlihatkan bahawa responden menghubungkan kosakata Arab dengan nama orang di sekitarnya, iaitu sahabatnya yang bernama Hazim yang gemar berpakaian kemas dan bertali pinggang ke kuliah. Elemen persekitaran jelas kelihatan dalam strategi memori yang digunakan untuk mengingat kosakata tersebut.

Adapun dalam konteks kosakata bahasa Inggeris, responden didapati turut mengaitkan unsur persekitaran dalam mengingat kosakata yang diberikan. Perkataan „jaw“ misalnya yang bermaksud rahang diingat dengan mengaitkan filem popular yang bertajuk “Jaws” yang tular suatu ketika dahulu. Filem ini yang mengisahkan tentang ikan jerung yang dikenali sebagai ikan pemangsa yang mempunyai rahang yang besar telah menjadi sandaran responden dalam mengingat makna perkataan „jaw“ iaitu rahang. Hal ini boleh dilihat daripada kenyataan responden seperti di bawah:

“„Jaw“ ni citer Jaws eh, Madam? Yang ikan jerung tu. Sama ke, Madam?”

(R7/S5/B53)

“Tapi „jaw“ takde „S“. Ooo ... Yang takde „S“ tu makna dia rahang la ya? Jaws makan orang, so „jaw“ ingat rahang.”

(R8/S5/B63)

Di samping itu, kajian menunjukkan bahawa aspek pengalaman responden sendiri dalam aktiviti sosial telah diaplikasikan dalam mengingat kosakata yang diberikan meskipun membawa maksud yang kurang tepat. Sebagai contoh perkataan „parade“ yang bermaksud perarakan diingat dengan membuat perkaitan perkataan tersebut dengan kompleks membeli-belah yang terkemuka di Melaka iaitu Mahkota Parade. Hal ini kerana responden didapati sering menghabiskan waktu lapang mereka bersama kawan-kawan di Mahkota Parade yang terletak di bandaraya Melaka. Ini boleh diperhatikan menerusi kenyataan responden seperti di bawah.

*“Mahkota Parade... Lepak sana, tengok movie. Haaa, betul, **Mahkota Parade.**”*

(R7/S5/B62)

*“Parade macam bangunan, **Mahkota Parade!**”*

(R8/S5/B71).

*“parade” ni saya tau **Mahkota Parade** je, Madam. Maksud saya tak tau”.*

(R9/S5/B82)

Selain aspek pengalaman responden sendiri dalam aktiviti sosial, perihal keadaan persekitaran responden turut sama menyumbang ke arah penggunaan strategi memori kosa kata yang diberikan dalam konteks kosa kata bahasa Inggeris ini. Persekitaran responden di kampus khususnya yang rata-ratanya menyalahertikan makna perkataan „joint” dengan „join” jelas memberi kesan terhadap penguasaan kosa kata mereka. Kebanyakan responden bersependapat bahawa perkataan „joint” itu bermaksud menyertai, sedangkan maknanya yang sebenar ialah sendi. Kenyataan responden di bawah ini menjelaskan keadaan tersebut:

“Joint ni biasanya macam group..macam nak masuk group.. nak joint group”

(R10/S5/B93)

“Joint macam masuk je mana-mana.. nak masuk, nak joint..”

(R2/S5/B25)

“Joint means.. er.. bersama.. like ikut.. nak ikut and bersama..”

(R3/S5/B33)

RUMUSAN

Elemen persekitaran sememangnya memberi impak terhadap penghasilan sesuatu bahasa serta berupaya membantu individu dalam proses pembelajaran bahasa. Kajian ini telah membuktikan bahawa pengaruh persekitaran sememangnya telah mendorong responden untuk mengingat kosa kata berasaskan aspek pengalaman yang dilalui dalam aktiviti kemasyarakatan serta perihal keadaan persekitaran mereka. Secara sedar atau tidak, elemen persekitaran ini membantu responden dalam pemilihan dan penggunaan sesuatu strategi untuk mengingat kosa kata yang ditemui. Kebanyakan responden didapati telah menggunakan strategi memori dalam mengingat kosa kata dengan bersandarkan kepada unsur pengaruh situasi daripada ahli keluarga mereka sendiri. Hal ini boleh diperhatikan apabila responden mengingat kosa kata yang diberikan dengan menghubungkan kosa kata dengan situasi semasa ahli keluarga mereka yang sedang berpantang. Tidak ketinggalan, pengaruh persekitaran daripada masyarakat luar juga turut memberi impak dalam penguasaan kosa kata responden. Dapatan menunjukkan responden turut membuat perkaitan di antara kosa kata tersebut dengan perihal masyarakat sekeliling mereka seperti rakan taulan, filem serta perihal penyanyi tertentu untuk membantu mereka mengingat kosa kata yang

disasarkan. Kajian ini tidak mendakwa bahawa pelajar dapat memperoleh bahasa dengan berjaya hanya dengan meningkatkan jumlah kosu kata yang mereka ketahui meskipun Cobb (2007) mengaitkan kemajuan bahasa dengan ukuran kosu kata pelajar. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak komponen lain yang menyumbang kepada kejayaan pemerolehan bahasa selain pengaruh persekitaran seperti kecekapan tatabahasa, pengetahuan latar belakang subjek dan faktor penyumbang lain. Kajian ini menunjukkan perlunya memperoleh penguasaan kosu kata yang mencukupi untuk membolehkan pelajar menggunakan bahasa dengan berkesan. Pelajar bahasa perlu mencapai tahap minimum kosu kata untuk memastikan kemajuan yang lancar dalam penguasaan bahasanya

Rujukan

- Abdullah Hassan (1988) Linguistik am untuk guru Bahasa Malaysia. Cetakan ke-8. Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya.
- Ashinida Aladdin. (2010). Non-Muslim Malaysian learners of Arabic (NMMLAs): An investigation of their attitudes and motivation towards learning Arabic as a foreign language in multiethnic and multicultural Malaysia. *Procedia -Social and Behavioral Sciences*.
- Che Radiah Mezah & Norhayuza Mohamad. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab; Teori & Aplikasi. Serdang: Penerbit UPM.
- Halliday, M.A.K. (1978). *Language as Social Semiotic: The Social Interpretation of Language and Meaning*. Eight Impression 1993. New York: Routledge, Chapman, and Hall. Inc.
- Halliday, M.A.K. (1985). *Spoken and Written Language*. Oxford: Oxford University Press.
- Kamarul Shukri Mat Teh; Mohamed Amin Embi. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Zuhir Abd Rahman (2014). Pengaruh Konteks Sosiobudaya Tempatan dalam Teks Pembelajaran Arab. Tesis PhD. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mofareh Alqahtani (2015). The importance of vocabulary in language learning and how to be taught . *International Journal of Teaching and Education*.
- Nadwah & Nadhilah (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117-133.
- Noorhidayah Abu Hasim. (2019) Pengaruh Sosiobudaya Terhadap Penggunaan Strategi Memori Kosa Kata dalam Kalangan Pelajar Sifar Pengetahuan Arab KUIM. Tesis Master. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Norhayuza Mohamad. (2006). Penggunaan Strategi Pemetaan dalam Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab. Disertasi, Universiti Malaya.
- O'Malley, M. Chamot, A. (1990). *Learning Strategies in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Oxford, R. L. (1990). *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House.
- Radha Nambiar (1998). *Learning Strategies. A Malaysian Perspective*. Monograph. Faculty of Language Studies. UKM.
- Rosni Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Cetakan Pertama. Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Schmitt, N. 1997. *Vocabulary Learning Strategies*. Dlm. *Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Zulkifley Hamid, (2014) *Faktor persekitaran sekolah dan etnik dalam perancangan dan pelaksanaan program pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia*. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (5).99-109. ISSN 2180-2491.